



SPARKLE
TOTS
PAP COMMUNITY FOUNDATION



JOY OF READING

2023

Tadika 1 & 2



Galeri Emosi

Apa yang diperlukan:

1. Bahan-bahan Kraf (krayon, pena penanda, pensel warna, cat, kertas, dll.)

Apa yang dipelajari:

1. Membentuk hubungan saling percaya yang menggalak pembelajaran kanak-kanak.
2. Mengenal emosi yang berbeza-beza melalui ekspresi yang kreatif.

Mengenal pelbagai perasaan akan membantu kanak-kanak meluahkan perasaan sendiri dan memahami perasaan orang lain. Manakala memberi peluang kepada kanak-kanak menangani emosi sendiri dengan cara kreatif dan positif akan meningkatkan kesejahteraan emosi mereka.

Apa yang boleh dilakukan bersama anak anda:

1. Mulakan aktiviti dengan berbincang secara ringkas tentang satu emosi, contoh: takut, terkejut, ghairah, cemas, bimbang, dll. Bertanyakan anak anda tentang makna emosi dan beri peluang kepada mereka untuk berkongsi tentang emosi yang pernah dialami.
2. Menggalak anak anda melakarkan lukisan untuk menyampaikan maksud emosi mereka menggunakan pelbagai warna, bentuk dan garisan.
3. Setelah selesai, beri peluang untuk anak anda berkongsi tentang hasil lukisan.
 - Apakah warna yang digunakan?
 - Apakah makna bentuk-bentuk yang ada?
4. Mempamerkan hasil lukisan anak anda di rumah dengan menyediakan 'Galeri Emosi'.
5. Menggalak ahli keluarga melihat hasil lukisan di 'Galeri Emosi' dan bertanya tentang emosi yang berkaitan dengan setiap lukisan.



Tips Untuk Ibu Bapa:

Dengan mendengar luahan fikiran dan pengalaman anak anda, mereka akan rasa lebih dihargai dan sekaligus mengukuhkan hubungan anda bersama.

Cabaran Lempar Gelang

Apa yang diperlukan:

1. Set Permainan Lempar Gelang

Apa yang dipelajari:

1. Menerima dan menyarankan cara mengatasi cabaran.
2. Memperkukuhkan ikatan di antara ibu bapa dan anak melalui permainan Lempar Gelang.

Melibatkan ibu bapa dalam aktiviti berkolaborasi bukan sahaja memberi peluang mengukuhkan hubungan, malah dapat meningkatkan kemahiran sosio-emosi anak mereka. Pengalaman ini akan mencipta kenangan yang positif sepanjang zaman.

Apa yang boleh dilakukan bersama anak anda:

1. Melempar gelang ke cawan yang tersusun secara bergilir.
2. Memberi cabaran seperti melempar gelang dari jarak yang berbeza-beza.
3. Menggalak anak anda untuk menyarankan pelbagai cabaran.
4. Mengadakan sesi perbincangan tentang pengalaman melakukan aktiviti ini. Mengajukan soalan-soalan seperti:
 - Bagaimana kita bekerjasama?
 - Apa yang menyeronokkan?
 - Apakah cabaran yang dialami?
 - Bagaimana kita menyokong sesama sendiri?
5. Membantu anak anda mengatasi emosi jika tidak berjaya melempar gelang ke sasaran. Mengingatkan anak anda untuk melakukan yang terbaik dan itu adalah kemenangan besar.



Tips Untuk Ibu Bapa:

Memberi inspirasi untuk menerima cabaran kepada anak anda akan menyokong dan menggalak mereka untuk berdaya tahan sepanjang zaman.